



## Membuat aduan

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia adalah badan bebas yang menyiasat dan menyelesaikan aduan mengenai seks yang menyalahi undang-undang, diskriminasi kaum, ketidakupayaan dan usia, diskriminasi ILO III dan pencabulan hak asasi manusia.

### Apa yang boleh anda adukan kepada kami

- **Diskriminasi seks** merangkumi gangguan seksual dan diskriminasi berdasarkan seks, identiti jantina, taraf antara jantina, kehamilan, taraf perkahwinan atau perhubungan, penyusuan dengan susu badan, tanggungjawab keluarga dan haluan seksual.
- **Diskriminasi ketidakupayaan** merangkumi diskriminasi berdasarkan ketidakupayaan fizikal, intelektual, deria, pembelajaran dan psikiatri; penyakit atau keuzuran; masalah perubatan; kecederaan yang bersabit dengan kerja; ketidakupayaan pada masa lalu, sekarang dan akan datang; dan perkaitan dengan orang kurang upaya.
- **Diskriminasi kaum** merangkumi kebencian perkauman dan diskriminasi berdasarkan kaum, warna kulit, keturunan, negara asal atau asal usul etnik dan taraf imigran.
- **Diskriminasi umur** merangkumi diskriminasi berdasarkan usia yang terlalu muda ataupun terlalu tua.
- **Diskriminasi ILO III** merangkumi diskriminasi berdasarkan agama, rekod jenayah, aktiviti kesatuan sekerja, pendapat politik atau asal usul sosial.
- **Hak asasi manusia** merangkumi tindakan yang diambil oleh atau bagi pihak Komanwel yang dikatakan mencabuli instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang tertentu, seperti Waad Hak Sivil Dan Politik Antarabangsa, Waad Hak Kanak-kanak dan Waad Hak Orang Kurang Upaya.

Anda boleh mengemukakan aduan secara percuma walau di mana pun anda tinggal di Australia. Langkah-langkah proses mengemukakan aduan diberikan di bawah ini.

### Buat pertanyaan

- Jika anda kurang pasti sama ada anda boleh mengemukakan aduan mengenai sesuatu, anda boleh hubungi Perkhidmatan Maklumat Aduan yang disediakan oleh Suruhanjaya melalui talian telefon **1300 656 419** atau menghantar e-mel ke alamat [complaintsinfo@humanrights.gov.au](mailto:complaintsinfo@humanrights.gov.au).
- Kami boleh hantarkan borang aduan kepada anda untuk memulakan proses.
- Jika kami tidak dapat membantu anda, kami akan cuba rujuk anda kepada orang yang boleh membantu.

## Buat aduan

- Aduan hendaklah dibuat secara bertulis. Anda boleh mengisi borang aduan dan mengirimkannya kepada kami melalui pos atau faks ataupun anda boleh buat aduan dalam talian melalui laman web kami. ([www.humanrights.gov.au](http://www.humanrights.gov.au))
- Anda boleh buat aduan dalam bahasa pilihan anda dan kami boleh bantu anda menulisnya jika perlu.
- Anda tidak perlukan peguam untuk membuat aduan.
- Jika kami tidak dapat tangani aduan anda, kami akan terangkan sebabnya.

## Penyiasatan

- Kami akan hubungi anda untuk berbincang mengenai aduan anda dan kami mungkin akan minta anda berikan maklumat selanjutnya.
- Secara amnya, Suruhanjaya ini akan menghubungi orang atau organisasi dalam aduan anda, memberi mereka salinan aduan anda dan meminta mereka berikan komen dan maklumat lain yang berkenaan. Kami akan maklumkan kepada anda jawapan mereka terhadap aduan anda.
- Dalam sesetengah keadaan, kami mungkin mengambil keputusan tidak meneruskan proses menangani aduan anda. Jika ini berlaku, kami akan terangkan sebabnya.
- Kami mungkin akan minta anda cuba selesaikan aduan tersebut secara berdamai.

## Pendamaian

- Pendamaian bermaksud kami cuba membantu anda dan orang atau organisasi dalam aduan anda itu mencari jalan penyelesaian untuk hal yang berkenaan.
- Pendamaian boleh berlaku melalui perjumpaan antara kedua-dua pihak yang digelar 'sidang pendamaian' atau melalui sidang telefon. Dalam sesetengah keadaan, aduan boleh diselesaikan melalui surat-menyurat ataupun dengan penyampaian mesej melalui telefon atau e-mel dengan bantuan pendamai sebagai perantaranya.
- Aduan boleh diselesaikan dengan pelbagai cara, contohnya dengan permohonan maaf, perubahan dasar atau pampasan.

## Tindakan mahkamah yang boleh diambil – diskriminasi seks, ketidakupayaan dan umur

- Suruhanjaya ini tidak mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada diskriminasi yang menyalahi undang-undang telah berlaku.
- Jika aduan anda tidak diselesaikan atau jika dihentikan atas sebab lain, anda boleh bawa hal tersebut ke mahkamah. Mahkamah boleh menentukan sama ada diskriminasi yang menyalahi undang-undang telah berlaku.
- Anda diberi masa 60 hari dari tarikh Suruhanjaya ini memuktamadkan aduan anda untuk membuat permohonan kepada Mahkamah Litar Persekutuan Australia atau Mahkamah Persekutuan Australia.
- Suruhanjaya ini tidak boleh membawa hal tersebut ke mahkamah bagi pihak anda atau membantu anda membentangkan kes anda di mahkamah.
- Anda mungkin perlu merujuk kepada peguam atau khidmat guaman jika anda ingin membawa kes anda ke mahkamah.

## Keputusan/Laporan – diskriminasi ILO III dan hak asasi manusia

- Jika aduan tidak diselesaikan atau tidak diteruskan atas sebarang sebab, Presiden Suruhanjaya akan menentukan sama ada diskriminasi ILO III atau pencabulan hak asasi manusia telah berlaku. Ini mungkin melibatkan Presiden mengadakan perbicaraan awam dan setiap pihak membentangkan versi masing-masing mengenai kejadian yang berlaku dan menjawab soalan.
- Jika Presiden berpuas hati bahawa diskriminasi atau pencabulan hak asasi manusia telah berlaku, Presiden akan melaporkannya kepada Peguam Negara. Dalam laporan itu, Presiden boleh menyarankan pampasan bagi kerugian atau kecederaan yang dialami oleh seseorang. Laporan tersebut hendaklah dibentangkan di Parlimen.
- Beberapa contoh keputusan Presiden mengenai diskriminasi dan hak asasi manusia boleh didapati pada laman web Suruhanjaya ini di <http://www.humanrights.gov.au/publications/reports-minister-under-ahrc-act>.

## Di manakah boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Butir-butir perhubungan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia ialah:

### Telefon

Talian Maklumat Aduan: 1300 656 419 (panggilan tempatan)

TTY: 1800 620 241

NRS: 133 677

Faks: (02) 9284 9611

Jika anda perlukan khidmat jurubahasa, anda boleh menelefon **131 450** dan minta disambungkan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia.

Jika anda pekak atau cacat pendengaran, anda boleh hubungi kami menerusi TTY melalui talian 1800 620 241. Jika anda pekak ataupun anda cacat pendengaran atau pertuturan, anda juga boleh hubungi kami menerusi Perkhidmatan Penyampaian Kebangsaan (NRS) melalui talian 133 677. Jika anda perlukan jurubahasa Auslan, Suruhanjaya ini boleh mengaturnya untuk anda.

Jika anda buta atau cacat penglihatan, Suruhanjaya ini boleh menyediakan maklumat dalam format lain atas permintaan anda.

### Surat-menyurat

Australian Human Rights Commission  
GPO Box 5218  
Sydney NSW 2001

### Dalam talian

E-mel: [complaintsinfo@humanrights.gov.au](mailto:complaintsinfo@humanrights.gov.au)

Laman web: [www.humanrights.gov.au](http://www.humanrights.gov.au)

Anda boleh mengemukakan aduan dalam talian dengan melayari <http://www.humanrights.gov.au/complaints/lodging-your-complaint>.

## Nasihat undang-undang am

Jika anda bercadang hendak membuat aduan, anda juga boleh pertimbangkan untuk mendapatkan khidmat guaman atau menghubungi sebuah organisasi komuniti. Beberapa perkhidmatan guaman komuniti boleh memberikan nasihat mengenai diskriminasi dan gangguan secara percuma. Butir-butir perhubungan pusat guaman komuniti yang terdekat dengan anda boleh didapati di [www.naalc.org.au/directory](http://www.naalc.org.au/directory).

**Penafian: Maklumat pada risalah ini disediakan sebagai panduan sahaja. Maklumat ini bukan pengganti nasihat undang-undang.**